

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN NO. 467**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah UiTM mengubah dasar memberi kemudahan percuma kepada pelajar-pelajar daripada segi kolej penginapan dan makan-minum terutamanya kepada pelajar yang tidak mampu sesuai dengan matlamat penubuhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak UiTM masih mengekalkan dasar yang sama kepada golongan yang tidak berkemampuan mengikut kesesuaian masa kini. Pelajar-pelajar ini diberi pengecualian bayaran kolej kediaman.

Pemberian bantuan elauan makan juga telah diberi kepada golongan ini sebanyak RM4.00 sehari (RM120.00 sebulan). Pihak UiTM akan terus komited memberi akses pendidikan tinggi yang berkualiti kepada golongan sasaran.

Sekian, terima kasih.